



18 September 2021
18 September 2021
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN OLEH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERISYTIHARAN
OLEH
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan bahawa Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan (Timbalan Yang di-Pertuan Agong) hendaklah menjalankan fungsi-fungsi serta mempunyai keistimewaan-keistimewaan Yang di-Pertuan Agong selama apa-apa kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong tidak berupaya untuk menjalankan fungsi-fungsi jawatan itu kerana Baginda tiada di dalam Persekutuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa BETA pada hari ini telah mula menjalankan fungsi-fungsi jawatan Yang di-Pertuan Agong.

DIPERBUAT di Istana BETA, di Kuala Lumpur, pada lapan belas hari bulan September, dalam tahun dua ribu dua puluh satu.

[MRR(S) 516 Jld.1/(80); PN(PU2)171/XXV]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja